

Headline	Sedia garis panduan khas selia khidmat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	9	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 11,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,092



SUSULAN BH BONGKAR ISU KHIDMAT UPAH HAJI MURAH

'Sedia garis panduan khas selia khidmat'

» BUMITRA, MATTA turut gesa pihak masjid turun iklan merakukan

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Gubal peraturan atau garis panduan khas bagi memantau dan mengawal selia penawaran khidmat upah badal haji.

Itu gesaan Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) dan Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) bagi mengekang penipuan badal haji.

Ahli jawatankuasa surau dan masjid juga digesa memainkan peranan aktif, termasuk menurunkan iklan upah haji atau pakej umrah yang merakukan sebagai langkah pertama mengekang penipuan badal haji yang dibangkit-

kan *BH* sejak awal minggu ini.

Ketika ini, iklan upah haji serendah RM1,500 yang diragui kesahihannya menerusi

poster dan kain rentang digantung di pagar surau dan masjid, selain kawasan perumahan awam ibarat cendawan tumbuh selepas hujan selain tidak dipantau mana-mana pihak.

Tidak tertakluk pada akta
Semakan *BH* mendapati khidmat upah haji tidak tertakluk kepada Akta Lembaga Tabung Haji 1995 atau Akta Industri Pelancongan 1992, sekali gus menyebabkan perkhidmatan itu boleh ditawarkan mana-mana pihak, termasuk mereka yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebagai ejen pengendali umrah dan haji.

Ketua Biro Umrah dan Haji BUMITRA, Ayob Mat Aris, berkata pihak berkuasa seperti Majlis Agama Islam negeri, Lembaga Tabung Haji, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau agensi berkaitan

lain, perlu melihat kawalan dan pemantauan ke atas pelaksanaan upah haji sebagai 'keperluan'.

"Pelaksanaan badal haji mesti ada kawalan sebab banyak tak betul. MO (modus operandi) memang akan serahkan kepada orang (ejen pelaksana upah haji) di Makkah yang kita tak tahu pelaksanaannya sebab tiada pemantauan," katanya kepada *BH*.

Ayob berkata, sudah tiba masanya dakwaan mengenai wujudnya penipuan badal haji yang dibuktikan berasas oleh siasatan wartawan *BH*, disiasat dan diambil tindakan bagi mengelakkannya menjadi lebih parah.

Tiada peruntukan khusus
Sementara itu, Presiden MATTA, Hamzah Rahmat, berkata ketiadaan peruntukan

khusus untuk mengawal selia pelaksanaan badal haji menyebabkan ramai pihak mengambil kesempatan menawarkan khidmat upah haji dan bebas mengiklankan di mana-mana saja.

"Banyak iklan upah haji di surau dan masjid yang merakukan. Kos upah haji memang tinggi. Apa-apa yang kurang daripada RM2,000 adalah merakukan," katanya.

Hamzah berkata, sebagai permulaan, AJK masjid dan surau perlu memainkan peranan aktif dengan menurunkan iklan upah haji dan umrah merakukan yang dipasang di kawasan rumah ibadat, termasuk iklan pihak yang tidak berdaftar dengan kementerian berkenaan.

"Jika tidak diturunkan, orang ramai akan lihat sebagai *endorsement* daripada masjid atau surau," katanya.

Headline	Sedia garis panduan khas selia khidmat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	9	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 11,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,092

⊙ RM1,500 SEORANG
bayaran ceterawakan ejen tidak mendaftar

⊙ RM2,250 SEORANG
anggaran kos minimum
untuk urus badal haji

BH BONGKAR

KHIDMAT UPAH HAJI TIPU

// TAWARAN KHIDMAT BADAL HAJI BAYARAN RENDAH diiklankan sekitar surau, masjid di negara
...kan keraguan dengan Tabung Haji

Keratan **akhbar BH** Isnin lalu.